

NO. SOALAN: 152

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

SOALAN :

YB. Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha menjadikan sukan sebagai cabang pelaburan industri pelancongan baharu masa depan negara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sukan merupakan suatu aktiviti yang berpotensi untuk menarik ramai penyertaan dari dalam dan luar negara yang seterusnya dapat menyumbang kepada sektor pelancongan negara. Usaha untuk menjadikan sukan sebagai cabang pelaburan industri adalah tepat, sesuai dan akan dapat memberikan sumbangan yang positif kepada ekonomi negara.

Melalui *Tourism National Key Economic Area (NKEA)* dan *Malaysia Tourism Transformation Plan* (MTTP 2020:36:168), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengenal pasti sukan golf sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi dalam merangsang ekonomi negara. Inisiatif yang bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai *high end golf tourism destination* yang terkemuka di Asia ini dijangkakan dapat menjana Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income-GNI*) sebanyak RM0.3 juta dan mampu mewujudkan sebanyak 2,100 peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Selain daripada itu, usaha berterusan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui *Convention and Exhibition Bureau* (MyCEB) dalam pembidaan acara-acara di peringkat antarabangsa telah berjaya membawa masuk acara-acara sukan yang mampu memberi impak ekonomi sebanyak

RM481.5 juta melalui penganjuran 33 acara sukan bagi tempoh 2013 hingga 2016.

Untuk makluman, pada tahun 2016, sebanyak 14 acara sukan dengan impak ekonomi sebanyak RM122.4 juta telah berjaya dibida. Acara-acara tersebut adalah seperti berikut:

1. *KL Saracens International 10s Rugby* ;
2. *Kubultra 2016*;
3. *Ironman 70.3 Putrajaya*;
4. *SongkRUN Water Run & Music Festival (NF)*;
5. *KL Tigers International 10s 2016*;
6. *Challenge Iskandar Puteri*;
7. *Ironman Langkawi Malaysia*;
8. *FIM Asia Supermoto Championship*;
9. *Asia Pacific Masters Games 2018*;
10. *2019 IWWF Waterski World Championship*;
11. *The Music Run (NF)*;
12. *Ecoworld MultiGP Drone Racing Championship 2016 (NF)*; dan
13. *World Airline Badminton Championship 2016 (NF)*.

Pada tahun 2017, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi temasya Sukan SEA dan pihak Kementerian sentiasa bersedia dalam memberikan sepenuh kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan acara tersebut antaranya melalui penganjuran *Festival Rhythm of Southeast Asia* dan *Heritage Food Festival*. Pada masa yang sama, pihak Kementerian

juga akan mempromosikan Sukan SEA 2017 melalui Tourism Malaysia untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Acara sukan sememangnya mampu memberikan impak ekonomi yang positif kerana mampu menarik kedatangan pelancong dalam kuantiti yang ramai iaitu peminat setia sukan berkaitan serta mempunyai pengikut di serata dunia. Di samping itu, penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa bukan sahaja dapat mempromosi Malaysia sebagai lokasi/platform penganjuran acara sukan malah juga sebagai lokasi MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*) yang bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.